

**PERTANYAAN-PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KE 13 – DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATUK WEE JECK SENG  
[TANJONG PIAI]**

**TARIKH : 2 APRIL 2014 (RABU)**

**NO SOALAN : NOMBOR 56**

---

**SOALAN:**

**YANG BERHORMAT DATUK WEE JECK SENG [TANJONG PIAI] minta PERDANA MENTERI menyatakan :**

- (a) status Majlis Konsultasi Negara dalam merencanakan lagi perpaduan serta keharmonian di kalangan rakyat Malaysia terutamanya bagi mengatasi masalah perkauman yang kerap dimainkan di media massa pada ketika ini; dan
- (a) apakah langkah atau inisiatif yang telah dilakukan oleh MKN bagi mengekalkan kestabilan masyarakat serta membanteras segala bentuk tindakan atau ucapan yang berbentuk perkauman yang ekstremis di Malaysia.

**Tan Sri Yang Di Pertua,**

1. Kerajaan tidak mengetepikan sama sekali pandangan atau pendirian dari mana-mana pihak terutama ketika timbulnya isu-isu sensitif yang boleh menjejaskan perhubungan antara kaum yang boleh menggugat dan mengancam keselamatan negara.

2. Malah kerajaan perlu berhati-hati menangani dan mengurus isu-isu sensitif seperti yang dibangkitkan itu dan telah memilih beberapa pendekatan menyelesaikannya.

3. Antara pendekatan yang dilaksanakan ialah :

(b) Melalui perbincangan dan perundingan dengan pihak-pihak yang terlibat

Pendekatan ini merupakan pendekatan terbaik di mana pihak-pihak yang terlibat akan dijemput bagi mendengar pendapat dan pandangan mereka. Dalam masa yang sama berusaha mencari titik pertemuan tindakan yang boleh dipersetujui bersama. Hakikat mesti diakui bahawa perbalahan yang berlaku terutama menyentuh tentang agama, sememangnya amat rumit untuk diselesaikan kerana setiap penganut agama telah mempunyai kepercayaan dan pegangan kukuh terhadap ajaran agama masing-masing.

(b) Penyelesaian melalui dialog

Pendekatan ini boleh diadakan secara tertutup di mana ia perlu mematuhi panduan-panduan dan etika-etika tertentu. Semua pihak perlu mencari dan berbincang untuk kepentingan bersama dan bukan berbincang untuk menegakkan ajaran agama masing-masing kerana setiap agama itu mempunyai ajaran yang sememangnya berbeza dan tidak akan menemui apa-apa titik persamaan.

(c) Sokongan Pemimpin, Masyarakat dan Media

Semua pihak perlu menyokong apa jua usaha penyelesaian yang dijalankan sama ada usaha itu dilakukan oleh Kerajaan atau badan-badan lain termasuk pemimpin di pelbagai peringkat dan juga masyarakat. Media pula perlu turut memainkan peranan yang konstruktif dan tidak menyiarkan berita atau pendapat berbentuk

provokasi yang boleh menimbulkan ketegangan antara kaum dan agama.

**Tan Sri Yang Di Pertua,**

4. Isu-isu sensitif termasuk isu-isu yang dikaitkan dengan polarisasi yang berbangkit dari masa ke semasa itu boleh diselesaikan jika semua pihak sedar dan faham tentang kemajmukan dan kepelbagaian sosio-budaya yang memang sedia wujud di negara ini.
5. Perbezaan-perbezaan yang ada tidak seharusnya dijadikan penghalang di dalam menyelesaikan isu berbangkit sebaliknya perbezaan itu perlu dilihat dari sudut atau perspektif yang boleh memberi faedah dan menjadi aset negara.
6. Pemimpin-pemimpin politik tanpa mengira aliran pemikiran pula sewajarnya menjadi pemandu dan contoh kepada kumpulan atau kelompok masing-masing dan bukan mengambil kesempatan untuk mendapat sokongan demi mencapai agenda-agenda tertentu.
7. Isu-isu yang boleh menjejaskan keselamatan negara, sewajarnya dijadikan isu yang perlu diselesaikan secara bersama demi kepentingan bersama.

Sekian, terima kasih.